

BH 23/11

Ringgit ditutup hampir tidak berubah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam berikutan harga komoditi terpilih yang pulih mengehadkan penurunan, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, unit tempatan diniagakan pada 4.4170/4250 berbanding dolar AS daripada 4.4170/4230 kelmarin.

Peniaga berkata, dolar AS mungkin melihat kepada sebahagian aktiviti pengambilan untung, bergerak ke hadapan selepas meningkat sejak 10 hari lalu.

Beliau berkata, kesan daripada kemenangan Presiden AS, Donald Trump ke atas mata wang seperti terhenti sebelum cuti Thanksgiving, dengan pemulihan harga komoditi yang menggalakkan memberi tekanan kepada pegangan pro-dolar.

Unit tempatan diniagakan rendah berbanding mata wang utama lain.

Ia rendah berbanding dolar Singapura kepada 3.1042/1103 daripada 3.0994/0041 kelmarin dan lemah berbanding pound kepada 5.5102/5220 daripada 5.4479/4558 kelmarin.

Ringgit susut berbanding yen kepada 3.9875/9955 daripada 3.9857/9930 kelmarin dan jatuh berbanding euro kepada 4.7023/7117 daripada 4.6957/6837 sebelum ini.

REUTERS